

16 JUL 2003

Musa-Pelajar

KERAJAAN NILAI SEMULA CRIMEA STATE MEDICAL UNIVERSITY

Oleh: Mohd Kamel Othman

YALTA (Ukraine), 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menilai semula pengiktirafan yang diberikan kepada Crimea State Medical University kerana mutu kursusnya tidak sehebat seperti yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Malaysia dan Barat.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed berkata universiti berkenaan juga mengambil terlalu ramai pelajar sehingga menimbulkan masalah.

"Saya dimaklumkan bahawa universiti berkenaan tidak sehebat seperti universiti kita atau di Barat. Jauh bezanya dan oleh itu kita perlu menilai semula," katanya kepada wartawan Malaysia yang meliputi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Ukraine, hari Rabu.

Musa, yang turut melawat universiti berkenaan ketika di Crimea, adalah antara empat menteri kabinet yang mengikuti rombongan Perdana Menteri. Yang lain ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Musa berkata beliau dimaklumkan bahawa mutu kursus yang ditawarkan oleh universiti di Kiev dan Odessa lebih tinggi berbanding di Crimea.

"Oleh itu, kementerian akan menghantar delegasi tidak lama lagi untuk menilai kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Kiev dan Odessa," katanya.

Pada masa ini, Crimea State Medical University merupakan satu-satunya universiti di Ukraine yang diberi pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan.

Terdapat kira-kira 500 pelajar Malaysia menuntut di situ yang hampir keseluruhannya pelajar swasta. Cuma 12 pelajar ditaja kerajaan.

Musa berkata beliau juga telah melawat dua buah universiti di Kiev khususnya dalam bidang "eronautics engineering" dan telah diberi jaminan bahawa pihak universiti berkenaan boleh menerima pelajar Malaysia.

"Jika jumlah pelajar kita ramai, pihak pengurusan universiti berkenaan memberi jaminan bahawa kursus boleh dijalankan dalam bahasa Inggeris. Peluang sedemikian sukar diperolehi di negara Barat dan kita perlu merebutnya," kata beliau.

Musa berkata jika kerajaan memutuskan untuk menghantar pelajar, mereka yang mengikuti ijazah pertama dan ijazah lanjutan akan dihantar ke Kiev.

Katanya, ramai daripada pensyarah dan profesor universiti berkenaan terdiri daripada orang-orang ternama.

Ditanya mengenai pengiktirafan, Musa berkata ia merupakan soal kedua.

-- BERNAMA

MKO MFJ ZB